TEMA 7

# Persaudaraan Tanpa Sempadan

## Sistem Bahasa (Kertas 1)

### Bahagian A

*Ayat-ayat di bawah* **mungkin betul** *dan* **mungkin salah**. *Jika* **terdapat kesalahan**, *kesalahan itu telah ditandakan dengan* **A**, **B** *atau* **C** *dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan* **D**.
*Pilih jawapan yang* **paling sesuai**. ARAS R

1 Cikgu Rabiatul Adawiyah menasihati semua (A) murid-muridnya agar berhati-hati (B) semasa lawatan ke rumah orang-orang (C) tua itu. Tiada kesalahan (D)

2 "Berjagalah (A) ketika bertutur sesama (B) rakan agar kamu tidak menyentuh isu-isu (C) sensitif yang akan melukakan hati mereka," kata Cikgu Maria. Tiada kesalahan (D)

3 Suasana di pasar pagi itu riuh-rendah (A) dengan suara penjual memanggil-manggil (B) pelanggan dan tawar-tawar (C) barangan. Tiada kesalahan (D)

4 Muthu memberhentikan keretanya untuk membantu kekura (A) itu melintas jalan-jalan raya (B) kerana bimbang dilanggar oleh kenderaan yang lalu-lalang (C). Tiada kesalahan (D)

### Bahagian B

*Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat* **satu kesalahan bahasa**. *Kenal pasti kesalahan tersebut dan* **tulis jawapan** *yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.* ARAS R

1 Kedua orang ibu bapa Jasmin mengusahakan pusat pengumpulan baju terpakai untuk diedarkan kepada gelandangan yang memerlukan.

_______________________________________________

2 Pelbagai kuih yang beraneka warna dan rasa itu disediakan untuk mangsa banjir-mangsa banjir yang sedang kelaparan.

_______________________________________________

3 Hospital itu mempunyai prasarana yang sangat lengkap di samping doktor pakar-doktor pakar yang ramai.

_______________________________________________

4 Malaysia telah berusaha menghantar berbagai bentuk bantuan untuk mengurangkan beban negara yang terkesan akibat peperangan.

_______________________________________________



LIVEWORKSHEETS